



Pembukaan 99 Speedmart Di Lamanda Chuping, Perlis – Simbol Transformasi Dan Pemangkin Ekonomi

⌚ 06/02/2025 05:00 PM



CHUPING, 6 Feb (Bernama) -- Lamanda Chuping kini mencatat satu lagi pencapaian positif dalam proses transformasi ekonominya dengan pembukaan cawangan baharu pasar mini **99 Speedmart**. Pembukaan ini merupakan sebahagian daripada inisiatif pembangunan holistik yang dilaksanakan oleh **Encorp Berhad (ENCORP)** bersama **FELDA** di bawah program "Perumahan Warga FELDA". Pembukaan 99 Speedmart di Lamanda Chuping bukan sahaja memenuhi keperluan harian penduduk setempat, malah turut menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan komuniti yang lebih dinamik.

Pembukaan 99 Speedmart ini menandakan satu fasa penting dalam usaha ENCOPR untuk membangunkan kawasan Lamanda Chuping sebagai pusat tumpuan komuniti yang terhubung dan progresif. Selain daripada menyediakan kemudahan keperluan harian kepada penduduk tempatan, kehadiran pasar mini ini juga membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat, khususnya buat generasi baharu FELDA.